

# SASAR PEROLEH **RM200j**

## ■ ANGKASA positif Karnival MACCOPS 2017 jana kontrak hadapan

**Rizanizam Abdul Hamid**  
rizanizam@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**A**ngkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) menyasarkan RM200 juta nilai kontrak hadapan menerusi Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia 2017 (MACCOPS 2017). Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, karnival kali kedua anjuran ANGKASA diadakan selama lima hari

**“Karnival dibuka kepada orang ramai sama ada individu atau sektor syarikat”**  
Abdul Fattah

di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya bermula 15 hingga 19 November ini.

Menurut beliau, MACCOPS 2017 dijangka disertai 160 pempamer dengan 150 terdiri daripada koperasi tempatan manakala bakinya adalah syarikat antarabangsa dari 10 negara iaitu Australia, Korea, China, Iran, Filipina, New Zealand, Kemboja, Fiji, India, dan Sri Lanka.

“Karnival dibuka kepada orang ramai sama ada individu atau sektor syarikat dalam usaha memperkenalkan atau memperluaskan produk serta perkhidmatan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

“ANGKASA menjangkakan padanan perniagaan menerusi karnival ini mampu memperoleh RM200 juta kontrak hadapan antara sektor terbabit merangkumi produk makanan, pelancongan kesihatan, pembangunan perkhidmatan, kewangan, inovasi dan teknologi,

peruncitan dan pemborongan, pertanian dan lain-lain lagi,” katanya.

Abdul Fattah berkata, pengunjung karnival itu juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik menerusi cabutan bertuah keseluruhannya bernilai lebih RM100,000 sepanjang lima hari karnival itu.

“Pelbagai barangan elektrik dan elektronik disediakan termasuk motosikal dengan hadiah utama Proton Iriz bernilai lebih RM40,000 pada hari terakhir karnival 19 November,” katanya.

Penganjuran MACCOPS 2017 juga bersempena dengan Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 (ICA KL 2017) di Sunway Resort Hotel & Spa, Bandar Sunway pada 13 hingga 17 November ini.

Menurut Abdul Fattah, ini kali pertama ANGKASA menganjurkan perhimpunan dunia itu dengan persidangan kali pertama diadakan di Antalya, Turki pada 2015.

Kata beliau, ia dijangka disertai 1,600 delegasi dari 95 negara dengan 1,200 wakil dari luar negara seperti Amerika Syarikat, China, United Kingdom, Arab Saudi, Russia, Jepun, Palestin, Turki dan New Zealand manakala bakinya daripada wakil tempatan.

“Jumlah penyertaan ini dilihat memberangsangkan kerana berjaya menarik hampir semua ahli ICA dari 105 negara untuk menyertai acara anjuran kita kali ini.

“Acara dwitahunan ini membincangkan mesyuarat agung bagi melantik barisan kepimpinan baru ICA, persidangan global untuk membincangkan hala tuju dan isu berkaitan koperasi seluruh dunia serta mesyuarat jawatankuasa sektoral,” katanya.

ANGKASA memenangi bidaan menjadi tuan rumah ICA KL 2017 pada 2015 mengatasi tiga badan koperasi dari empat negara iaitu Australia, New Zealand dan Iran.